



POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
Persiaran Usahawan
Seksyen U1
40150 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Tel. : 603-51634000
Faks : 603-55691903
Web : psa.mypolycc.edu.my
Facebook : pssaas



MEMO

UNIT PENGURUSAN KOLEJ KEDIAMAN

Rujukan kami: **PSA. 600-10/1/2 (33)**

Tarikh: 03 Mei 2024

Perkara

PERMOHONAN RAYUAN MENDUDUKI KAMSIS BAGI SESI I: 2024/2025

Kepada

KJKM, KJKA, KJKE, KJPG (up: KUHEP Jabatan)

Melalui

PENGURUS ASRAMA

Salinan

1. TPSA
2. KJHEP

Tuan/Puan,

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa permohonan rayuan menduduki kamsis Sesi I: 2024/2025, akan dibuka kepada semua **pelajar perempuan** Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sahaja. Manakala bagi **pelajar lelaki**, permohonan rayuan boleh dibuat, namun keputusan rayuan akan dimaklumkan selepas Minggu Suai Kenal pelajar semester 1 dan bergantung kepada kekosongan bilik yang ada.

3. Permohonan hendaklah dibuat secara rasmi dengan memuat turun dan mengisi borang yang tersedia di Portal PSA. Tarikh akhir penghantaran permohonan rayuan adalah pada **31 Mei 2024** sebelum jam **5.00 petang bertempat di Pejabat Pengurusan Kolej Kediaman PSA**.

4. Borang permohonan rayuan menduduki kamsis K7-PK-03 (L1) perlu diisi lengkap. Pelajar yang memohon perlu memastikan bahawa semua maklumat dan dokumen berikut telah dilengkapkan dan disertakan dalam permohonan:

- a) **SATU (1)** keping gambar berukuran pasport
- b) Salinan Slip Gaji (Bapa dan Ibu/Penjaga) yang dipalang dan ditulis "**Kegunaan Rayuan Kamsis sahaja**". Bagi (Bapa dan Ibu/Penjaga) yang bekerja sendiri pengesahan pendapatan diperlukan samaada daripada Penghulu, Ketua Kampung, Imam, Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Taman, JKKK, atau Ketua Jabatan masing-masing.
- c) Sekiranya (Bapa dan Ibu/Penjaga) pelajar tidak mempunyai slip gaji, pelajar hendaklah mengisi **Borang Pengesahan Pendapatan dan mendapatkan kelulusan daripada**

**Penghulu, Ketua Kampung, Imam, Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Taman, JKKK
Ketua Jabatan/Penasihat Akademik masing-masing.**

- d) Pastikan semua bahagian dalam Borang Permohonan Rayuan Menduduki Kamsis diisi dengan lengkap. **Kegagalan mematuhi arahan** ini akan mengakibatkan Borang Permohonan Rayuan Menduduki Kamsis **tidak diproses**. Keputusan rasmi akan diumumkan melalui laman Web PSA.


5. Kerjasama dan perhatian daripada semua pihak amat dihargai untuk memastikan kelancaran proses Permohonan Rayuan Menduduki Kamsis.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,



(NOOR HAYATI BINTI MAT TAIB)

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar